

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PEMBUKAAN PUSAT DIALISIS BAKTI DAN YAYASAN BUAH PINGGANG
KEBANGSAAN
Lokasi :
Tarikh : 03-03-1997

1. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua hadirin kerana sudi datang ke Majlis Pembukaan rasmi Pusat Dialisis BAKTI-NKF yang pertama di sini hari ini. BAKTI berasa bangga kerana akhirnya BAKTI bersama- sama dengan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan atau NKF dapat juga mencapai cita-citanya untuk menubuhkan pusat dialisisnya.

2. BAKTI memang dari dahulu lagi sedar betapa seksanya hidup pesakit-pesakit buah pinggang yang terpaksa merawat diri mereka untuk meneruskan kehidupan mereka. Atas kesedaran ini BAKTI mengambil inisiatif untuk membantu Yayasan Buah Pinggang daripada segi kewangan bagi menubuhkan sebuah pusat dialisis. Anggota-anggota BAKTI tidak keberatan untuk menolong pesakit-pesakit buah pinggang yang kini ramai terdapat di kalangan masyarakat kita. Kita tahu kos rawatan buah pinggang adalah tinggi dan kebanyakan pesakit tidak berkemampuan untuk menerima rawatan ini. Ramai di antara mereka meninggal dunia disebabkan mereka tidak berkemampuan untuk mendapatkan rawatan dan ramai lagi pesakit meninggal jika kita tidak melakukan sesuatu untuk membantu mereka.

3. BAKTI amat berbesar hati kerana dapat membuat sumbangan ikhlas ini. BAKTI menyumbangkan RM 500,000 untuk mengadakan pusat dialisis ini yang mempunyai 10 buah mesin dialisis. Sekurang-kurangnya ramai pesakit buah pinggang akan dapat menerima rawatan mereka dengan selesa dan sempurna di pusat ini.

4. BAKTI menyedari misi NKF adalah untuk menubuhkan pusat-pusat dialisis di seluruh tanah air. Ini akan memudahkan rawatan dialisis kepada pesakit-pesakit buah pinggang di semua negeri melalui program NKF. BAKTI amat bersukacita kerana pusat ini terletak di Klang di mana pesakit-pesakit buah pinggang di Klang, Port Klang, Meru, Shah Alam dan sekitarnya akan mudah mendapat rawatan.

Ini bermakna pesakit-pesakit tidak perlu lagi bersusah payah berulang alik dengan jarak jauh untuk mendapatkan rawatan tiga kali seminggu di tempat-tempat lain. Ini juga dapat menjimatkan masa dan wang pesakit-pesakit buah pinggang. Di samping itu pesakit-pesakit buah pinggang akan menikmati peluang pekerjaan melalui program-program untuk membantu mereka di dalam pertukaran pekerjaan yang dijalankan oleh Yayasan ini.

5. Saya merayu kepada masyarakat yang penyayang dan orang ramai untuk terus membantu golongan ini. Mereka memerlukan kerjasama anda dan membantu mereka dalam memberikan peluang-peluang pekerjaan. Pesakit-pesakit buah pinggang boleh bekerja dengan baik setelah mendapat rawatan dialisis yang berkualiti di sini. Mereka juga akan lebih produktif.

6. Sepertimana yang BAKTI lihat, pusat dialisis ini bukan hanya sekadar klinik malahan ianya adalah satu tempat HARAPAN atau HOPE. Pusat ini adalah tempat di mana satu harapan bermula bagi setiap pesakit buah pinggang dan juga ahli keluarga mereka.

7. Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya merasmikan Pusat Dialisis BAKTI dan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan ini.